

TARIKH	27 / 5 / 2015	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	45	RUANGAN	

BIMB catat keuntungan RM220.3j

Kuala Lumpur: BIMB Holdings Berhad mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBZT) lebih tinggi sebanyak RM220.3 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2015 iaitu peningkatan 13.3 peratus berbanding tempoh sama, tahun lalu.

Pendapatan bank itu turut meningkat kepada RM809.1 juta daripada RM726.9 juta, sebelum ini.

Dalam maktuman kepada Bursa Malaysia semalam, BIMB berkata, pembiayaan bersihnya turut meningkat 20.8 peratus bagi tahun ke tahun kepada RM30.1 bilion sehingga 31 Mac 2015.

Bagi Kumpulan Bank Islam, PBZT yang dicatatnya meningkat empat peratus kepada RM173.7 juta bagi suku dalam kajian berbanding tempoh sebelum ini, kebanyakannya disumbangkan pertumbuhan dalam aktiviti perniagaan.

Takaful Malaysia Group pula mencatatkan PBZT sebanyak RM62.2 juta, meningkat 39.1 peratus berbanding RM44.7 juta bagi tempoh sama tahun lalu yang disumbang pendapatan fi wakalah dan rizab perbelanjaan lebih rendah.

-BERNAMA